


8th **WALS**
World Association of Lesson Studies
International Conference 2014
Bandung, Indonesia



WALS

World Association of Lesson Studies
International Conference 2014

Bandung, Indonesia

BECOMING REFLECTIVE EDUCATORS AND PROFESSIONALS OF LEARNING
November 25–28, 2014

**CONFERENCE
PROGRAM**

Organized by:



Sponsored by:



Presentation Code	Room	Title	Presenter(s) / Affiliation
C06-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S301	Lesson study as a tool for preparing graduate students as future faculty	Jessica Ellis (SDSU)
C07-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S301	Improving Students's™ Interactions in Learning Mathematics Through Lesson Study	Linda VITORIA (PGSD FKIP UNIVERSITAS SYIAH KUALA)
C08-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S301	LESSON STUDY SOLUTION OF LEARNING ECONOMIC IMPROVEMENT IN SMAN 1 WRINGINANOM GRESIK	Luqman HAKIM (UNIVERSITAS NEGERI SURABAYA)
C09-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S302	IMPLEMENTATION OF LESSON STUDY IN TEACHING ASSESSING LEARNING (Case Study at Biology Department the Education Faculty of Almuslim University)	M. Rezeki MUAMAR (UNIVERSITAS ALMUSLIM), Zahara . (UNIVERSITAS ALMUSLIM)
C10-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S302	THE DEVELOPMENT OF COMBINED MODEL OF PBL AND GI THROUGH LESSON STUDY TO IMPROVE STUDENTS's™ CRITICAL THINKING SKILLS, COGNITIVE LEARNING, AND ATTITUDES TOWARD ENVIRONMENT IN STKIP HAMZANWADI SELONG	Marhamah, M.Pd AMAH (STKIP HAMZANWADI SELONG), Dr.H.Ibrohim, M.Si IBROHIM (UNIVERSITAS NEGERI MALANG), Prof.Dra.Herawati Susilo, M.Sc, Ph.D SUSILO (UNIVERSITAS NEGERI MALANG), Prof.Hj.Mimien Henie Irawati Al Muhdhar, M.S. AL MUHDHAR (UNIVERSITAS NEGERI MALANG)
C11-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S302	IMPROVING STUDENTS CRITICAL THINKING ON STUDYING MECHANICS THROUGH LESSON STUDY	Marnita . (UNIVERSITAS ALMUSLIM)
C12-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S302	IMPLEMENTASI LESSON STUDY DALAM UPAYA MENINGKATKAN KEMAMPUAN MEMBACA DAN BERFIKIR TINGKAT TINGGI MAHASISWA PADA MATA KULIAH PENGANTAR EKONOMI MIKRO	marwan usman (Padang State University)
C13-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S303	Refleksi Pendekatan Lesson Study Dalam Menjalani Latihan Mengajar oleh Bakal Guru Sains Di Beberapa Sekolah Terpilih Reflection of Lesson Study Approach by Pre-Services Science Teacher During Practicum at Selected School	Md Yusoff DAUD (UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA), Fariza KHALID (UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA), Roslinda ROSLI (UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA), Zanaton IKSAN (UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA)
C14-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S303	Improving students ability in mastering writing paragraph through lesson study	Misnar . (UNIVERSITAS ALMUSLIM)
C15-PP	FPMIPA A, LT 3, Room S303	Lesson Study Practices: A Project-Based Learning To Improve Individual & Collaborative Problem Solving Skills of Students at Pre-Service Biology Teacher Education	Murni RAMLI (SEBELAS MARET UNIVERSITY SURAKARTA INDONESIA)

**Refleksi Pendekatan Lesson Study Dalam Menjalani Latihan Mengajar oleh Bakal Guru
Sains Di Beberapa Sekolah Terpilih**

*Reflection of Lesson Study Approach by Pre-Services Science Teacher During Practicum at
Selected School*

Md Yusoff Daud, Zanaton Iksan, Fariza Khalid & Roslinda Rosli

Faculty of Education Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Lesson Study adalah salah satu pendekatan atau model yang digunakan dalam pembangunan perkembangan profesionalisme guru-guru. Ianya telah terbukti berkesan, dan disyorkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dipraktikkan oleh guru-guru secara berperingkat-peringkat. Langkah umum dalam *lesson study* melibatkan perancangan dalam penyediaan rancangan mengajar, penelitian semasa kelas terbuka dan refleksi selepas pengajaran. Justeru kajian ini bertujuan untuk mendapatkan refleksi kumpulan komuniti yang terlibat berkaitan pendekatan *lesson study* yang dilaksanakan semasa latihan mengajar. Selain itu, penilaian pengajaran yang dilakukan secara komuniti juga akan dibincangkan hasil daripada pendekatan ini. Sebagai pendedahan awal, pendekatan *lesson study* ini telah dipersetujui untuk digunakan dalam menjalani latihan mengajar oleh bakal guru-guru sains di beberapa sekolah terpilih. Bakal-bakal guru sains ini juga dikenali sebagai guru pelatih dalam konteks latihan mengajar dalam sistem persekolahan di Malaysia. Seramai 5 orang guru pelatih dalam bidang pengkhususan subjek sains, 4 orang guru pembimbing, 5 orang rakan sebaya dan 4 orang pensyarah telah bersetuju untuk turut serta dalam kajian *lesson study* ini. Data kajian adalah dalam bentuk pemerhatian, rakaman video, soalan berstruktur dan temubual. Dapatan kajian menunjukkan impak yang positif dalam mengaplikasi pendekatan *lesson study* ke arah kecemerlangan proses pengajaran. Hasil penilaian proses pengajaran mendapati beberapa cadangan penambahbaikan dalam aspek penggunaan ABM, penggunaan contoh yang relevan dalam set induksi, teknik penyoalan, penglibatan pelajar dan pengukuhan kemahiran insaniah dicerna dalam sesi refleksi. Kitaran sesi pengajaran bakal guru menjadi lebih mantap, jika pendekatan *lesson study* ini diulang beberapa kali.

Lesson study is a model of teacher professional development in improving teaching and learning process. Advantages of this approach had been proven by the Ministry of Education. They had implemented it at the school level gradually. Science students teacher in the faculty of education are exposed to teach at school as their practicum. Hence, to enhance the development of teaching and learning, lesson study has been applied in the evaluation of learning experience. This study aims to get some response from the students who apply lesson study approach in their training. There were 5 students, 2 teacher, 5 colleagues and 4 lecturers involve in this study. The data consist of observation, structured question and interview. The focus of data is about the main step in lesson study which are preparation of lesson plan, open class and reflection. The finding shows that the students have some positive and negative comment on the application of lesson study. They are different feedback between the applying of the lesson study during micro teaching and practicum in term of certain principle.

Key word: lesson study, reflection, practicum, pre-service teacher.

Pengenalan

Pembinaan tamadun sesebuah bangsa adalah berkait rapat dengan kualiti pendidikan negaranya. Negara yang maju sudah semestinya memiliki tahap pendidikan yang berkualiti untuk melahirkan masyarakat yang berkembang maju. Dalam konteks Negara Malaysia, dasar pendidikan seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama dan bertaraf dunia. Untuk mencapai hasrat murni itu suatu Pelan Pembangunan Pendidikan (PPP) telah dirangka dan diterbitkan sebagai rujukan semua warga pendidik (KPM, 2013). Pelan tersebut adalah rancangan pembangunan jangka panjang bermula daripada 2013-2015. Ia menggariskan 5 teras utama dan salah satu terasnya ialah untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk minda kelas pertama dalam mencapai hasrat negara untuk menjadi negara yang berpendapatan tinggi dan produktif menjelang tahun 2020. Justeru itu individu yang mempunyai ciri-ciri modal insan cemerlang seperti berkemahiran tinggi, boleh bertindak balas dengan pantas dan kreatif terhadap perubahan ekonomi, dan berpaksikan kepada penjaan dan penggunaan pengetahuan mampu membangunkan negara dan ekonominya. Oleh yang demikian, satu pendekatan pengajaran yang

bersifat holistik yang memenuhi semua keperluan tersebut diperlukan. Kerjasama antara kementerian dan pihak-pihak swasta digalakan bagi pembangunan modal insan ini melalui transformasi pendidikan. Transformasi pendidikan telah digariskan secara jelas dalam salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Satu pendekatan pengajaran berasaskan *Lesson Study* cuba diketengahkan kerana ianya diyakini berupaya menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif dan berterusan bagi meningkatkan perkembangan ilmu guru, berkongsi pengalaman dan sekaligus dapat meningkatkan kecemerlangan pelajar (Stepanek et al., 2007).

Lesson Study merupakan kesinambungan daripada kaedah pengajaran secara kolaboratif dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. *Lesson Study* yang dijalankan dalam kelas dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran guru di samping memperbaiki pengajaran guru. Ianya juga tidak meminggirkan kepentingan pelajar di dalam proses pengajaran. Hal ini kerana penilaian dan refleksi bagi setiap pengajaran bukan sahaja berfokus kepada guru tetapi juga perkembangan pembelajaran pelajar. Selain daripada itu, kaedah pengajaran *lesson study* dapat meneroka idea para guru untuk meningkatkan pemikiran kreatif dan kritis, saling membantu mencari penyelesaian bagi sesuatu masalah serta meluaskan pemahaman, kemahiran dan keupayaan guru dan pelajar (Wiburg dan Brown, 2007).


Sorotan literature menunjukkan bahawa *Lesson Study* telah mula bertapak di Jepun semenjak tahun 1960-an (Fernandez & Yoshida 2004) tetapi menurut Takahashi (2000) mendapati bahawa *Lesson Study* sebenarnya telah bermula pada akhir kurun ke-19. Sungguhpun amalan *Lesson Study* sudah hampir seabad lamanya di negara Jepun tetapi kurang dikenali di peringkat global sehingga akhir tahun 1990-an. Oleh sebab dianggap sebagai suatu amalan biasa, *Lesson Study* menjadi suatu budaya dalam kalangan guru-guru Jepun untuk memperkembangkan profesionalisme keguruan. Dari segi istilah, menurut Yoshida (1999) *Lesson study* diperolehi daripada perkataan Jepun iaitu *Jugyokenkyu* merupakan gabungan dari dua kata *jugyo* yang bererti *lesson* atau pembelajaran, dan *kenkyu* yang bererti *study* atau *research* atau penyelidikan. Oleh itu, *Lesson Study* boleh disimpulkan sebagai suatu kajian atau penelitian terhadap proses pengajaran guru dalam bilik darjah. Melalui aktiviti penelitian tersebut, guru-guru di Jepun mengkaji pembelajaran melalui perancangan dan pemerhatian bersama yang bertujuan untuk memotivasi pelajar untuk aktif belajar secara inkuiri.

Dalam konteks dunia global, amalan *Lesson Study* bermula pada tahun 1995 dan menarik perhatian pendidik di Barat secara kebetulan semasa berlangsungnya *The Third International*

Mathematics and Science Study (TIMSS) dan kemudiannya diikuti oleh 41 buah negara dan 21 di antaranya memperoleh skor matematik yang lebih tinggi dari Amerika Syarikat. Posisi tersebut membuat Amerika Syarikat melakukan kajian perbandingan pembelajaran matematik di Jepun dan Jerman. Di Jepun, dua penyelidik Amerika Syarikat, Catherine Lewis dan Richard Hiebert, memerhati amalan '*lesson study*' (*jugyoukenkyu*) yang diamalkan secara meluas dalam kalangan guru di sekolah. Daripada kajian perbandingan tersebut, kumpulan penyelidik Amerika Syarikat menyedari bahawa Amerika Syarikat tidak memiliki sistem untuk melakukan peningkatan mutu pembelajaran, sedangkan Jepun dan Jerman telah mengamalkan peningkatan mutu pembelajaran secara berterusan. Oleh kerana itu, para pendidik di Amerika Syarikat telah mula belajar dari Jepun tentang *Lesson Study* dan kemudian mengembangkannya pada beberapa negara lain. Dalam tempoh sembilan tahun yang lalu, *lesson study* telah dibangunkan di beberapa lokasi di Amerika Syarikat. Ia juga digunakan dalam projek Persatuan Kualiti Pendidikan Antarabangsa (IQEA) di England dan Hong Kong. Penyelidikan ini adalah pembangunan pertama penyelidikan dalam *lesson study* yang dibiayai di UK (Wiburg dan Brown, 2007).

Model Lesson Study

Secara umumnya, satu kitaran model *Lesson Study* mengandungi beberapa langkah yang mendorong guru-guru untuk bekerjasama melaksanakan langkah-langkah tersebut. Satu komuniti *lesson study* yang berjaya dibentuk dengan satu kesatuan cita-cita dan matlamat akan memudahkan perlaksanaannya (Lewis dan Hurd, 2011; Fernandez dan Yoshida 2004). Rajah 1 menunjukkan model kitaran *Lesson Study*.



Rajah 1: Model Kitaran Lesson Study

Langkah pertama adalah menetapkan matlamat pengajaran iaitu dengan mengkaji matlamat jangka panjang untuk perkembangan pembelajaran murid dan kurikulum serta membuat pemerhatian terhadap sukatan pelajaran. Tiga aspek yang perlu diperhatikan iaitu, pertama pencapaian GPMP (Gred Purata Mata Pelajaran) matapelajaran, kedua sasaran ETR (*Expected Targeted Result*) matapelajaran, ketiga jurang antara GPMP pencapaian berbanding sasaran GPMP ETR matapelajaran. Jurang pencapaian tersebut akan dijadikan fokus penelitian dalam *Lesson Study*.

Langkah kedua adalah merancang rancangan pengajaran. Ini memerlukan kumpulan *Lesson Study* untuk memilih topik atau subtopik matapelajaran. Pemilihan mestilah mengambil kira tajuk yang penting, sukar difahami dan topik bukan kegemaran murid, membincangkan masalah pembelajaran murid dan merancang langkah-langkah pembelajaran murid sehingga menghasilkan rancangan pelajaran yang efektif dengan mengambil kira perubahan yang dijangka berlaku kepada murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas terbuka.

Langkah ketiga adalah melaksanakan pengajaran dan pemerhatian yang mana ia memerlukan seorang ahli kumpulan *Lesson Study* yang akan melaksanakan pembelajaran berdasarkan Rancangan Pengajaran yang dihasilkan bersama. Ahli *Lesson Study* yang lain bertindak sebagai pemerhati. Protokol Pencerapan *Lesson Study* semasa sesi pengajaran dan

pembelajaran akan melibatkan para pencerap membuat pemerhatian dan mencatat dalam borang pencerapan yang disediakan. Fokus utama diberi kepada pembelajaran murid dan bukan kepada guru yang mengajar. Para pencerap boleh bergerak di dalam bilik darjah untuk meneliti murid membuat kerja latihan tetapi mereka tidak akan campur tangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Sekiranya terdapat rakaman video dijalankan, para pencerap diingatkan supaya tidak menghalang rakaman video semasa mereka bergerak dalam bilik darjah manakala ahli *Lesson Study* hendaklah mengumpul data untuk refleksi dan perbincangan.

Langkah keempat adalah menilai refleksi pengajaran yang mana ia hendaklah dilaksanakan pada hari yang sama. Pembelajaran yang dilaksanakan merupakan milik pembelajaran ahli pasukan *Lesson Study* (pembelajaran ‘kita’ bukan pembelajaran ‘saya’). Pengajar diberi kesempatan pertama mengemukakan refleksi. Pengajar hendaklah memberi refleksi sendiri berkenaan dengan pengajaran-pembelajaran berdasarkan apa yang telah berlaku dalam kelas daripada aspek kekuatan dan kelemahan. Para ahli pasukan berbincang dari aspek keberkesanan pengajaran-pembelajaran, termasuk penglibatan murid, tingkah laku, maklum balas, kerja latihan dan lain-lain aspek pembelajaran murid yang berkaitan. Ketua pasukan memainkan peranan sebagai moderator dalam perbincangan. Beliau memastikan penglibatan secara menyeluruh dalam kalangan semua ahli pasukan semasa perbincangan. Pakar rujuk tidak perlu terlalu menonjolkan diri semasa memberi input dan pandangan. Suasana seperti itu perlu bagi menggalakkan perbincangan yang terbuka dan mesra. Para ahli pasukan *Lesson Study* perlu membincangkan kelemahan, membuat dan penambahbaikan kerana dapatan tersebut akan dapat meningkatkan rancangan pengajaran yang efektif serta pembelajaran murid. Bagi langkah kaji semula pengajaran, rancangan mengajar berkenaan boleh diterima tanpa pembetulan, diterima dengan pembetulan atau pun ditolak. Sekiranya perlu, pasukan *Lesson Study* boleh mencadangkan supaya rancangan mengajar berkenaan dibuat semula dan diajarkan semula kepada kelas yang lain oleh ahli *Lesson Study* yang lain. Rancangan mengajar berkenaan disimpan sebagai rekod untuk dokumentasi (Lewis dan Hurd, 2011).

Komponen teras bagi kaedah *lesson study* menekankan untuk bekerja dalam mod penyelidikan secara bersama-sama. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti apa yang mahu dipelajari, mengapa dan apa yang menjadi tumpuan penyelidikan atau siasatan. Pemerhatian dilakukan dalam satu kumpulan yang terdiri daripada beberapa orang guru dan data direkodkan. Kemudian, perbincangan, analisis dan rakaman dilakukan dari apa yang telah dipelajari oleh

pelajar dan penyelidik. Mereka merekod dan menganalisis amalan dan atau data contohnya menggunakan video, audio atau imej pegun. Akhir sekali, laporan akan disediakan untuk menyampaikan kaedah ini sama ada dalam mesyuarat kakitangan, PowerPoint, video dan panduan kejurulatihan serta dapat menggunakan ia untuk pengajaran yang sebenar (Zanaton Iksan, 2014; Lewis dan Hurd, 2011; Lewis, 2002 & Lewis, & Tsuchida, 1997).

Latar belakang kajian dan pernyataan masalah

Dalam kerangka untuk melahirkan guru yang terlatih dan kompeten, peranan universiti secara amnya dan peranan fakulti pendidikan masing-masing universiti secara khusus harus mempunyai suatu dasar dan kurikulum yang mantap yang diterapkan kepada guru-guru pelatih. Justeru itu segala bentuk pembaharuan, inovas dan pendekatan pengajaran semestinya diperkenalkan pada peringkat pengajian prasiswazah lagi. Dalam konteks yang lebih khusus, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang melatih bakal-bakal guru dalam bidang pengkhususan seperti TESL (*Teaching English as Second Language*), Pendidikan Khas, Pendidikan Sukan dan Rekreasi dan Pendidikan Sains telah cuba menerapkan pendekatan *Lesson Study* melalui subjek Kurikulum dan Pedagogi dan Latihan Mengajar. Bakal-bakal guru atau dikenali juga sebagai guru pelatih telah diberikan pengalaman pengajaran secara terus di sekolah-sekolah terpilih selama 16 minggu. Amalan pengajaran selama ini berasaskan kepada pendekatan *Peer Coaching and Mentoring* yang sedikit berbeza dengan pendekatan *Lesson Study*. Menurut Loucks-Horsley et al. (1997) pendekatan secara permentoran lebih kepada latihan dan bimbingan dari rakan yang lebih senior secara perseorangan berbanding dengan pendekatan secara *Lesson Study* yang menekankan kepada proses pengajaran. Satu komuniti *Lesson Study* perlu diwujudkan dalam sesebuah sekolah bagi menyokong pelaksanaan pendekatan ini. Dalam amalan pengajaran yang di amalkan sekarang, wujud jurang antara pendekatan secara bimbingan secara orang perseorangan dan pendekatan secara *Lesson Study*. Justeru itu kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana pendekatan secara *Lesson Study* ini memberi impak kepada guru pelatih tersebut.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti:

- a) Sejauhmana pendekatan *Lesson Study* ini memberi impak kepada guru pelatih dalam proses pengajaran.

- b) Sejauhmana pemerhatian kelas terbuka yang dilaksanakan memberi nilai tambah kepada proses pengajaran guru.
- c) Isu-isu penambahbaikan dalam memperbaiki latihan mengajar bagi guru pelatih.

Metodologi Kajian

Seramai lima orang guru pelatih telah terpilih dari dua sekolah yang berbeza, empat orang guru pembimbing, lima orang rakan sebaya dan empat orang pensyarah. Kesemuanya mereka telah bersetuju untuk turut terlibat dalam proses pemerhatian pada sesi kelas terbuka. Sebelum kelas terbuka dijalankan guru pelatih telah berbincang bersama pensyarah, rakan sebaya dan guru pembimbing untuk menulis rancangan pengajaran harian. Elemen yang terkandung dalam rancangan harian tersebut ialah tarikh, tajuk, set induksi, perkembangan, penutup dan refleksi sendiri (Lihat Lampiran) (Zanaton Iksan dan Md Yusoff Daud, 2014). Semasa kelas berjalan, semua yang terlibat telah membuat pemerhatian sepanjang proses pengajaran guru tersebut. Disamping itu juga, rakaman video turut dijalankan. Selepas sesi pengajaran guru pelatih diminta untuk memberikan refleksi sendiri berkaitan dengan proses pengajaran yang telah berjalan. Huraian perlaksanaan pendekatan *lesson study* adalah seperti berikut:

Langkah 1

Guru yang mengajar di minta membuat refleksi berkaitan dengan proses pengajaran pada hari itu dengan menyatakan apa-apa sahaja perasaan, kekuatan dan kelemahan.

Langkah 2

Setiap pemerhati yang turut serta semasa sesi pengajaran diminta untuk memberikan ulasan dan refleksi berkaitan dengan proses pengajaran pada hari itu. Teguran atau cadangan penambahbaikan boleh dikemukakan dengan cara yang berhemah tanpa menyinggung perasaan guru pelatih tersebut

Langkah 3

Refleksi turut sama diberikan oleh rakan sebaya, guru pembimbing dan pensyarah yang terlibat. Beberapa idea penting samada pujian atau penambahbaikan diutarakan sebagai input penting yang berguna. Selepas mendengar refleksi dari rakan pemerhati, guru pembimbing dan pensyarah,

guru pelatih diminta sekali lagi untuk memberikan ulasan dan justifikasi kepada komentar yang di berikan. Ketua projek akan merumuskan dapatan refleksi tersebut. Aspek yang ditekankan ialah berkaitan dengan

- i) Penyediaan rancangan pengajaran
- ii) Set Induksi
- iii) Kawalan kelas
- iv) Penyoalan
- v) Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) atau Media pengajaran
- vi) Rumusan dan penutup.

Data kajian dikumpul melalui laporan bertulis semasa pemerhatian proses pengajaran yang dilakukan dan juga refleksi di analisis. Temubual secara bersemuka diajukan kepada guru pelatih untuk mendapatkan input yang berkaitan secara lebih jelas dan mendalam . Rakaman video turut dianalisis bagi melengkapkan maklumat yang berkaitan. Analisis dijalankan menggunakan kaedah analisis bertema atau '*thematic analysis*' (Miles dan Huberman, 1994).

Dapatan kajian dan perbincangan

a) Impak pendekatan lesson study kepada guru pelatih dalam proses pengajaran

Proses pengajaran yang dijalankan oleh guru pelatih diperhatikan oleh rakan sejawat, rakan pelatih dari university yang berbeza, guru pembimbing, guru mata pelajaran dan pensyarah pembimbing. Pelbagai dimensi yang dilihat yang kemudiannya di cerakinkan dalam sesi refleksi. Analisis data daripada laporan bertulis dan refleksi guru pelatih menunjukkan beberapa aspek kekuatan dan kelemahan yang dikenalpasti. Aspek yang ingin ketengahkan adalah berkaitan dengan kesediaan guru pelatih dalam mengaplikasi pendekatan lesson study, kekuatan dan kelemahan guru pelatih dalam proses pengajaran. Data analisis menunjukkan persetujuan yang positif dari guru pelatih, menyatakan bahawa pendekatan *lesson study* ini memberi impak yang positif kepada proses pengajaran. Pada peringkat awal pendedahan ini sememangnya berlaku kelemahan sedikit sebanyak. Pendekatan *lesson study* ini memberikan satu lonjakan dalam diri untuk turut berubah. Guru pelatih pada mulanya merasa tertekan kerana pendekatan *lesson study* adalah satu pendekatan yang baru diperkenalkan. Ianya diikuti dengan proses pemerhatian yang

dilakukan secara beramai-ramai semasa kelas terbuka. Ianya berbeza sekali dengan amalan pemerhatian sebelum ini yang hanya dijalankan oleh seorang pensyarah penyelia sahaja.

Kesemua guru bersetuju, pada awalnya mereka merasa gugup, lama kelamaan perasaan gugup itu hilang. Namun demikian satu perasaan puas hati, bangga dan teruja timbul apabila dijalankan sesi refleksi secara bersemuka beramai-ramai. Input dari sesi refleksi ini memberikan keyakinan baru untuk guru pelatih memperbaiki proses pengajaran selanjutnya. Sebagai contoh:

..... *“saya merasa sikit gugup....dan agak gementar pada permulaan pengajaran...tetapi setelah memulakan pengajaran perasaan itu semakin hilang.dan boleh teruskan pengajaran seperti yang dirancang” (Liza)*

..... *“Setelah diberitahu bahawa praktikum kali ini akan dilaksanakan melalui pendekatan lesson study...sedikit gementar, kerana selama ini saya belum pernah mendengar istilah lesson study....akan tetapi setelah selesai melalui proses ini, saya merasa sedikit teruja.....” (Yati)*

b) Impak kepada proses pengajaran

Impak kepada proses pengajaran berasaskan kepada pendekatan *lesson study* ini akan dibincangkan berdasarkan aspek-aspek berikut, (i) persediaan rancangan pengajaran, (ii) set induksi (iii) kawalan kelas (iv) penyoalan, (v) alat bantu mengajar (ABM) dan (vi) sesi rumusan dan penutup.

i) Persediaan rancangan pengajaran

Gelungan kedua pendekatan proses pengajaran berasaskan *lesson study*, ialah merancang persediaan rancangan pengajaran. Semua guru pelatih yang terlibat bersetuju bahawa, pendekatan *lesson study* ini memberikan satu lonjakan kelainan dari amalan-amalan sebelumnya. Dimana rancangan pengajaran yang disediakan disemak dan dibincang bersama dengan rakan sejawat, guru pembimbing dan pensyarah penyelia. Kumpulan pandangan dan cadangan sebenarnya telah bermula diperingkat awal persediaan rancangan pengajaran lagi.

... *“seronok dan teruja sekali..bila rakan-rakan dan guru pembimbing memberikan komen dan cadangan membina dalam penulisan rancangan pengajaran...(Guru Pelatih Ayu)”...*

ii) Set induksi

Set induksi dalam proses pengajaran merupakan satu elemen penting, dimana perkaitan dan hubungan diantara konsep yang hendak diajar pada hari itu boleh dikaitkan dengan suatu set yang dekat dengan pengalaman harian pelajar. Menurut Perrot (1982) set induksi ialah memberikan makna kepada sesuatu konsep yang hendak diajar dengan memberikan contoh-contoh tertentu. Sebaik-baiknya contoh yang diberikan itu berasakan kepada pengalaman yang dekat dengan kehidupan seharian pelajar. Analisis refleksi berkaitan dengan aspek set induksi adalah seperti berikut. Sebagai contoh:

Menurut komen yang diberikan oleh Dr R berkaitan dengan elemen set induksi proses pengajaran oleh Guru Mala.

... "inisiatif awak untuk memasukkan elemen set induksi dalam sesi permulaan pengajaran patut dipuji...tetapi..saya ingin mencadangkan agar set induksi yang dipilih biarlah sesuatu yang boleh memberikan perkaitan yang kuat dengan konsep yang hendak di ajar....(Komen Dr R)"...

Dalam rumusan refleksi, guru pelatih bersetuju dengan cadangan pemerhati dan berjanji untuk mencari bahan yang berkaitan.

... "pada permulaan pengajaran....agak susah bagi saya untuk mencari satu situasi atau bahan yang boleh menyokong set induksi dalam proses pengajaran....contoh set induksi yang saya gunakan agak tidak bersesuaian...namun cadangan set induksi yang diberikn sungguh teruja....dan saya berjanji untuk digunakan dalam sesi pengajaran akan datang".....(Guru Pelatih Mala)

iii) Kawalan kelas

Aspek kawalan kelas tidak kurang pentingnya dalam keseluruhan proses pengajaran. Melalui pendekatan lesson study, perancangan berkaitan kawalan kelas, telahpun dibincangkan dalam persediaan rancangan pengajaran. Namun demikian apabila tiba pada waktu sesi pengajaran sebenar, realiti atau suasana pengajaran akan berubah. Faktor guru turut memainkan amat peranan penting dalam mengawal suasana kelas pada sesi tersebut. Menurut Buckler & Castle (2014) antara tip penting dalam kawalan kelas ialah faham tentang realiti semasa dan elemen kepelbagaian yang ada dalam kelas tersebut.

Kesemua guru pelatih mengakui bahawa aspek ini yang paling mencabar dari keseluruhan proses pengajarannya. Walaupun ianya telah dirancang awal, tetapi kebimbangan tetap wujud disudut hati sanubari, kerana pelbagai kemungkinan mungkin timbul semasa proses pengajaran yang sedang berjalan. Analisis refleksi berkaitan dengan kawalan kelas, antara lain mengatakan bahawa:

... "elemen inilah yang paling sukar, kerana saya sedar dan faham dalam kelas saya ada pelajar yang sukar untuk di kawal..dan suka bermain-main dan bercakap-cakap di belakang...(Guru Pelatih Ayu)"...

Sememangnya diakui bahawa, aspek kawalan kelas merupakan hati dan jantung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jika aspek ini berjaya dikawal, keseluruhan proses pengajaran akan menjadi lebih mudah. Di antara refleksi ialah;

.... "sebenarnya elemen penegasan melalui intonasi suara, hukuman dan perhatian khusus..sedikit sebanyak boleh membantu...kawal kelas..(Dr Z)"..

iv) Penyoalan

Penyoalan yang dibuat sepanjang prose pengajaran adalah penting bagi seseorang guru. Input dari jawapan pelajar boleh digunakan sebagai kayu ukur untuk menilai keberkesanan proses pengajaran pada hari itu. Guru boleh mengawal aras soalan yang dikemukakan, berasaskan kepada tahap pencapaian kelas masing-masing. Menurut Paul (1993) aras soalan dan teknik penyoalan yang baik boleh mendorong pelajar ke arah pemupukan berfikir secara kritis dan kreatif. Analisis refleksi menunjukkan guru pelatih berjaya menyesuaikan aras soalan dengan tahap pencapaian pelajarnya. Sebagai contoh:

... "saya rasa amat lega..bila soalan yang saya kemukakan dapat dijawab oleh pelajar..saya risau juga takut apa kata pensyarah yang memerhati dibelakang"...(Guru Pelatih H)

Namun demikian, komentar ringkas yang diberikan oleh pemerhati dibelakang dalam sesi refleksi. Antara lain:

... "saya bersetuju dengan aras soalan yang diberikan. Namun teknik penyoalan boleh dipertingkatkan lagi. Berikan sedikit ruang masa untuk pelajar berfikir... sebelum jemput

pelajar secara sukarela untuk menjawab soalan tersebut...berikan ruang juga kepada pelajar lain untuk tokoh tambah kepada jawapan tersebut..sebelum guru menjawab betul atau salah”...(Dr Z)

v) Alat Bantu Mengajar (ABM)

Alat Bantu Mengajar, ABM tidak kurang pentingnya dalam menyokong keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan ABM yang tepat akan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep yang di ajar. Menurut Heinich, Molenda dan Russell (1992), suatu garis panduan dan model yang khusus perlu dipelajari oleh guru sebelum menggunakan ABM dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Model ASSURE adalah satu model yang baik dalam memilih ABM, kerana ia sangat bergantung kepada objektif pengajaran dan analisis keperluan pelajar. Analisis refleksi menunjukkan kesemua guru pelatih menggunakan ABM dalam sesi pengajaran masing-masing. Sebagai contoh:

...”saya suka menggunakan ABM kerana saya yakin ia amat membantu saya mengajar dan membantu pelajar memahami apayang saya nak ajar...lebih-lebih lagi dalam dunia internet yang moden sekarang ini mudah bagi saya untuk mendapatkan imej yang menarik..Namun begitu banyak masa yang saya tumpukan untuk menyediakan ABM tersebut”....(Guru H)

Komentar dari pemerhatian juga bersetuju, bahawa semua guru pelatih menggunakan ABM dalam sesi pengajaran. Sebagai contoh:

.....”saya menyokong penuh dan memberikan kredit diatas usaha untuk menggunakan ABM dalam sesi pengajaran. Namun perlu diingat dan perlu diberi perhatian bahawa, jangan sekali-sekali ABM yang digunakan akan mengusutkan kefahaman pelajar tentang sesuatu konsep yang hendak di ajar...mudahnya seperti persembahan isi kandungan melalui penggunaan power point. Isi kandungan bahan perlu diringkaskan dalam bentuk poin-poin, kemudian awak sendiri akan huraikan dan elaborate dalam kelas”...Dr F

vi) Rumusan dan penutup

Sesi rumusan dan penutup adalah sesi terakhir dalam proses pengajaran. Perancangan yang baik, membolehkan guru pelatih merumuskan keseluruhan pengajaran dalam minit-minit terakhir pengajaran. Pendekatan *lesson study* ini memberikan satu justifikasi yang baik, kerana

perancangan pengajaran telah di selia bermula dari peringkat persediaan rancangan pengajaran lagi. Analisis refleksi menunjukkan kesemua bersetuju dan berpuashati dengan perjalanan proses pengajaran.

c) Isu-isu penambahbaikan pendekatan lesson study dalam latihan mengajar

Pendekatan lesson study dalam proses pengajaran dalam sistem persekolahan di Malaysia adalah sesuatu yang baru diperkenalkan. Rentetan isu-isu yang melingkari pendekatan lesson study perlu ditangani dengan berhemah supaya hasrat untuk menjadikan lesson study sebagai salah satu pendekatan yang digemari ramai menjadi realiti. Antara isu-isu yang dirungkai bersama semasa sesi refleksi ialah:

- i) Peruntukan satu masa atau waktu khas disekolah, supaya guru boleh bersama berbincang dalam menyediakan rancangan pengajaran. Susunan jadual waktu perlu diselaraskan agar satu ruang untuk guru-guru, pentadbir dan ketua-ketua panitia boleh hadir bersama memerhati proses pengajaran yang dijalankan.
- ii) Paradigma berfikir juga perlu di ubah, dimana pendekatan *lesson study* bukan satu pendekatan untuk mencari salah guru yang mengajar. Tetapi pendekatan *lesson study* ialah untuk melihat proses dan perjalanan pengajaran. Naatijah akhirnya ialah keberkesanan pengajaran untuk manfaat bersama.
- iii) Guru perlu didedahkan dengan pendekatan *lesson study* melalui bengkel, seminar dan kursus. Bagi sekolah yang mempunyai peruntukkan yang besar, boleh melakukan lawatan sambil belajar ke negara-negara yang telah lama mempraktikkan pendekatan *lesson study* seperti Negara Jepun.

Kesimpulan

Kajian ini memberi fokus kepada pendekatan lesson study dalam pelaksanaan Latihan Mengajar bagi Guru-guru pelatih di sekolah-sekolah terpilih. Kajian ini bersifat penerokaan awal dalam menjustifikasi pendekatan pelaksanaannya. Sebelum guru pelatih di hantar untuk menjalani latihan mengajar selama 14 minggu, guru pelatih tersebut telah didedahkan pendekatan *lesson study* melalui subjek Kurikulum dan Pedagogi serta subjek Pengajaran Mikro. Impak yang positif ditunjukkan oleh guru pelatih, guru pembimbing dan para pensyarah dalam mengaplikasi pendekatan lesson study ini. Isu keselarasan antara pihak berwajib perlu ditangani dalam usaha

untuk mencari titik pertemuan dalam penentuan jadual waktu, masa dan kesediaan dalam merealisasikan pelaksanaan pendekatan *lesson study* dalam kerangka yang lebih besar dan menyeluruh. Kesediaan guru untuk dicerap dan bersedia untuk berkongsi pengalaman dalam sesi refleksi adalah satu petunjuk yang baik dalam membina kemahiran insaniah guru-guru pelatih tersebut. Adalah menjadi satu harapan dan impian agar suatu hari nanti pendekatan *lesson study* dalam proses pengajaran di Malaysia akan menjadi realiti, setanding dengan negara-negara maju lain yang telah mendahului kita. Saya yakin penuh impian ini akan menjadi realiti.

Rujukan

- Buckles, S. & Castle, P. (2014). *Psychology for teacher*. Thousand Oaks, California: Corwin Press, A Sage Publications Company.
- Fernandez, C., & Yoshida, M. (2004). *Lesson study: A Japanese approach to improving instruction mathematics teaching and learning*. London, UK: Erlbaum.
- Heinich, R., Molenda, M., & Russell, J.D. (1992). *Instructional media and the new technology of instructional*. California: Macmillan.
- Hiebert, J., & Stigler, J.W. (2004). *A word of difference: Classroom abroad provide lessons in teaching math and science*. JSD, (25) 4, <http://www.joe.org/joe>
- Kedro, M.J. 2004. *Aligning resources for student outcomes: School-based steps to success*. Lanham, MD: Scarecrow Education.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: KPM.
- Lewis, C.C., & Hurd, J. (2011). *Lesson study: Step by step-how teacher learning communities improve instruction*. Portsmouth: Heinemann.
- Lewis, C. (2002). *Lesson study: A handbook of teacher-led instructional improvement*. Philadelphia: Research for Better Schools.
- Lewis, C., & Tsuchida, I. (1997). Planned educational change in Japan: The case of elementary science instruction. *Journal of Educational Policy*, 12(5), 313-331.
- Loucks-Horsley, S., Hewson, P., Love, N., & Stiles, K. (1997). *Designing professional development for teachers of science and mathematics*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press
- Miles, M.B. & Huberman, M.A. (1994). *Qualitative analysis: An Expanded sourcebook* (2nd ed.) Thousand Oaks, CA: Sage

- Paul, R. W. (1993). *Critical thinking: What every person needs to survive in a rapidly changing world* (J. Willsen & A. J. A. Binker, Eds.). Santa Rosa, CA: Foundation for Critical Thinking
- Perrott, E. ((1982). *Effective Teaching: A Practical Guide to Improving Your Teaching*, New York: Longman
- Stepanek, J. Appel, G., Leong, M., Mangan, M.T., & Mitchell, M. (2007). *Leading lesson study: A practical guide for teacher and fasilitators*. USA: Corwin Press, NWREL and Learning Point Publications.
- Takahashi, A. (2000). Current trend and issues in lesson study in Japan and the United States. *Journal of Japan Society of Mathematics Education*, 82 (12:49-6), 15-21.
- Wiburg, K. & Brown, S. (2007). *Lesson study communities: Increasing achievement with diverse students*. Thousand Oaks, California: Corwin Press, A Sage Publications Company.
- Yoshida, M. (1999). Lesson study: A case study of a Japanese approach to improving instruction through school based teacher development. University of Chicago: Doctoral Dissertation.
- Zanaton Iksan & Md Yusoff Daud. (2014). Proforma Kaedah Sains: Pengajaran mikro. UKM: Tidak diterbitkan.
- Zanaton Iksan (2014). Proforma Kursus Kurikulum dan Pedagogi. UKM: Tidak diterbitkan.